

04/03/1997

Pendekatan nasional rangka program latihan

LANGKAWI, Isnin - Kerajaan menggunakan pendekatan nasional bagi merangka pelbagai program latihan untuk membekalkan pegawai serta kakitangan awam mengenai teknologi maklumat dan penggunaan komputer.

Langkah yang turut memerlukan pembabitan sepenuhnya oleh kerajaan negeri itu bagi memastikan sektor perkhidmatan awam tidak ketinggalan akibat perkembangan pesat bidang teknologi maklumat serta berupaya menghadapi cabaran tugas masa depan.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Abdul Halim Ali, berkata bagi menjamin program latihan yang lebih berkesan, kerajaan bercadang melaksanakan program bersepadu di peringkat nasional untuk diseragam dengan program yang dilakukan secara berasingan oleh kerajaan negeri.

"Pada masa ini, kemampuan pegawai kerajaan dalam bidang teknologi maklumat belum memadai kerana masih banyak pegawai yang belum memahami sepenuhnya cara penggunaan komputer.

"Walaupun tahapnya makin baik, ia belum cukup dan perlu ditingkatkan kerana masih banyak pegawai belum memahami penggunaan komputer dan teknologi maklumat.

"Justeru, pendekatan peringkat nasional akan dilaksanakan, termasuk memberi latihan bagi memastikan kita tidak ketinggalan berikutan perkembangan pesat bidang teknologi maklumat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) bagi pegawai atasan peringkat negeri, di Sheraton Perdana Resort di sini, hari ini.

Abdul Halim juga berkata, pada masa yang sama, kerajaan negeri diminta meneruskan program tertentu bagi memastikan kakitangan kerajaan memiliki kemahiran teknologi maklumat sebagai persediaan menghadapi cabaran masa depan.

Katanya, di peringkat Persekutuan, kerajaan menyediakan pelbagai latihan untuk pegawai, termasuk mereka yang bertugas di jabatan dan agensi Persekutuan di negeri.

"Kita harap kerajaan negeri melalui program masing-masing memberi perhatian terhadap latihan mengenai teknologi maklumat dan mendapatkan pelbagai kelengkapan seperti komputer," katanya.

Beliau juga berkata, beberapa kerajaan negeri sudah memulakan program masing-masing dan menghantar beberapa cadangan mengenainya kepada kerajaan.

Mengenai kenyataannya berhubung kelemahan perkhidmatan awam di Pulau Pinang, kelmarin dan diulas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Abdul Halim berkata, mutu perkhidmatan sektor itu semakin meningkat berbanding beberapa tahun lalu.

"Ketika di Pulau Pinang, saya menjelaskan ada banyak kemajuan dan kejayaan yang dicapai oleh sektor perkhidmatan awam, tetapi ia tidak ditonjolkan (dalam laporan akhbar Isnin). Jadi, seolah-olah pegawai kerajaan begitu lemah dan tidak cekap.

"Sebenarnya, banyak kemajuan yang dicapai. Walaupun masih ada kelemahan, ia tidak bermakna, langsung tidak ada perubahan. Sebagai contoh, jika dahulu kita terpaksa beratur setengah hari untuk ambil lesen, kini ia boleh dilakukan dalam tempoh 10 minit," katanya.

(END)